

Keperluan *Standard Operating Procedure (SOP)* dalam Penyiaran Kandungan Media Ketika Negara Dilanda Bencana

MOHD DALY DAUD
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
mohddaly@kuis.edu.my

RAHMAHTUNNISAH HAJI SAILIN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
rahmahtunnisah@kuis.edu.my

MD ROZALAFRI JOHORI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
rozalafri@kuis.edu.my

ZULKIFLI AINI (PhD)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
zulaini@ukm.edu.my

MAFFUZA SALLEH
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
maffuza@kuis.edu.my

WAWARAH SAIDPUDIN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
wawarah@kuis.edu.my

HAZWANI DAMANHURI
hazwanidamanhuri@gmail.com

ABSTRAK

Media berperanan dalam mempengaruhi idea masyarakat. Setiap apa yang dipertontonkan pasti membawa impak kepada penonton. Justeru, penyiaran kandungan media perlu sesuai dengan situasi yang berlaku terutama apabila negara menghadapi bencana. Namun, sehingga kini tiada prosedur yang *standard* terhadap kandungan media yang sesuai disiarkan ketika negara dilanda bencana. Kajian ini berhasrat untuk merangka prosedur *standard* kandungan media yang boleh digunakan oleh institusi media penyiaran di negara ini ketika negara dilanda bencana. Kajian kualitatif ini mendapat maklumat daripada informan dengan menggunakan reka bentuk kajian secara perbincangan meja bulat dengan panel terpilih dalam kalangan pembuat dasar, ilmuan Islam dan pengamal media. Maklumat yang diperolehi, disusuli dengan triangulasi data utama daripada temu bual secara mendalam dengan pembuat dasar, ilmuan Islam dan pengamal media. Hasil kajian mendapati amalan kandungan media sebelum ini perlu ditambah baik berlandaskan syariat Islam agar menjadi kelaziman masyarakat. Tuntasnya, hasil kajian ini memberi panduan kepada institusi media penyiaran dalam usaha memurnikan kandungan siaran ketika negara dilanda bencana berdasarkan prinsip dan nilai Islam sejagat.

Kata Kunci: Kandungan Media, Prosedur Standard, SOP, Bencana Negara

PENGENALAN

Media memainkan peranan besar terhadap pemikiran masyarakat ke atas isu-isu semasa negara. Media massa mahupun media baharu berkuasa untuk menetapkan agenda tentang pembingkaihan mesej dan apa yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat (Mc Combs, 1972). Televisyen merupakan antara medium komunikasi yang sangat berpengaruh dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Justeru, pengamal media perlu memastikan kandungan dan rancangan di televisyen adalah telus bagi tujuan mendidik masyarakat.

Bagi pengamal media, apabila sesuatu tragedi atau bencana menimpa sesebuah negara, ia wajar disantuni dengan cara yang berhemah. Kedukaan yang melanda rakyat perlu dipulihkan dengan pelbagai bentuk sokongan yang dizahirkan dalam bentuk fizikal mahupun spiritual. Bagi mereka yang beragama Islam, di sinilah mereka dapat melihat pengajaran atau *ibrah* dalam mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Mengimbas kembali peristiwa besar dan gempar yang menimpa negara pada tahun 2014 yang lalu menunjukkan tiada persiapan yang khusus dalam bentuk kerohanian dilakukan oleh pihak media apabila tragedi kehilangan pesawat *Malaysia Airline* MH340. Kejadian serupa berulang apabila pesawat penerbangan *Malaysia* MH17 ditembak jatuh oleh pihak yang tidak dikenali di perbatasan Ukraine dan Russia.

Pada hari Perkabungan Negara, rancangan hiburan di semua saluran radio dan televisyen perlu ditangguh dan digantikan dengan bacaan Al-Quran dan program berunsur keagamaan (Berita TV9, 18 Ogos 2014).

Bagi stesen radio dan TV, persediaan untuk menghadapi bencana seperti ini tidak wujud kerana garis panduan sedia ada tidak memperuntukkan bentuk rancangan bagaimana yang harus ditayang atau diperdengarkan kepada khalayak. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang menggantikan Akta Penyiaran 1988 dan Akta Telekomunikasi 1950, berkuatkuasa 1 April 1999 serta garis panduan dan kod sedia ada turut tidak membincangkan perkara-perkara berkaitan perkabungan atau seumpamanya.

Justeru, terdapat kelompangan yang perlu diisi memandangkan bencana akan tetap berlaku walau di mana sahaja. Apabila berlaku sesuatu tragedi sebagaimana dimaksudkan sebelum ini, maka sebagai penyiar pastinya akan lebih mudah menjalankan peranannya sekiranya terdapat prosedur yang standard berkaitan program yang boleh diterima pakai oleh semua stesen penyiaran di negara ini.

Terdapat pelbagai program yang boleh diterbitkan dengan mengguna pakai format program sedia ada atau dengan pengubahsuaian yang membolehkan pelbagai program disiarkan semasa atau dalam tempoh bencana melanda negara. Dalam hal ini penjelasan berhubung konsep bencana menurut Islam perlu dibincangkan dengan lebih baik dengan mengambil kira penjelasan daripada ulama dan agamawan dalam bidang-bidang khusus.

KONSEP BENCANA

Dalam budaya tradisional, bencana ditafsirkan sebagai hukuman Tuhan sebagai tanda-tanda atau petunjuk dan kehendak Yang Maha Kuasa (Vitaliano 1973). Rautela (2006) turut menjelaskan terdapat pelbagai jenis bencana antaranya ialah bencana semula jadi (banjir, taufan) dan bencana teknologi (kemalangan industri-letupan, kebocoran gas, kemalangan pengangkutan udara, laut, dan darat). Ia terhasil daripada kesan perbuatan manusia terhadap alam, antaranya hakisan tanah dan tanah runtuh (Frazier, 1999). Selain itu, bencana juga turut membawa kepada kemusnahan yang melampau dan menjejaskan masyarakat serta memerlukan bantuan daripada pihak luar bagi mengatasi bencana tersebut (Riley & Meadows, 1997).

Alexander (2006) menjelaskan kesan daripada berlakunya bencana boleh diukur dari segi jumlah kematian, kerugian kewangan dan bilangan pelarian. Kemusnahan yang terhasil daripada bencana juga boleh membawa kepada kesan jangka masa panjang seperti banjir, tsunami, manakala kesan jangka pendek seperti kemalangan jalan raya, keretapi dan kapal terbang terhempas. Menurut Eisensee dan Stromberg (2007) pula, sesuatu keadaan itu dianggap bencana sekiranya ia menepati salah satu keadaan ini seperti sepuluh atau lebih ramai orang dilaporkan terbunuh, 100 orang atau lebih yang dilaporkan terjejas, cedera atau kehilangan tempat tinggal, terdapat pengisytiharan darurat atau terdapat panggilan untuk bantuan antarabangsa. Kerosakan dan kemusnahan yang terjadi akibat daripada bencana memerlukan pertolongan kecemasan dari pelbagai sumber agar bantuan yang diperlukan seperti pengangkutan, makanan dan air, jaminan keselamatan iaitu tempat tinggal, pakaian, bekalan perubatan dapat sampai ke tempat yang betul pada waktu yang tepat (Kathleen, 2012).

Di Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN, 2012) telah mendefinisikan bencana sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya. Oleh yang demikian, ia memerlukan tindakan pengembelian sumber secara menyeluruh.

BENCANA MENURUT PERPEKTIF ISLAM

Menurut al-Zuhaili (1991) Allah SWT memberi ujian kepada hamba-Nya dalam bentuk bencana adalah untuk memberi ketenangan dalam diri orang yang beriman dan menerima segala bencana itu dengan redha sesuai dengan kehendakNya dalam qada' dan qadarNya. Menurut Andri Nirwana (2013), terdapat lima kelebihan bagi orang yang ditimpa bencana iaitu Allah SWT mengangkat kedudukannya, menghapus keburukannya, menanam keikhlasan dalam hatinya, mendidik jiwanya dan mendapat anugerah syurga.

Khafidhoh (2013) menyatakan terdapat tiga faktor yang menyebabkan berlakunya bencana iaitu:

1. Ia merupakan bencana yang datang dari kehendak Allah SWT berdasarkan ilmu-Nya. Ia merangkumi tiga keadaan, iaitu pertama; ia merupakan bentuk hukuman. Al-Quran menggunakan istilah musibah, `azab, `iqab, *tadmir* dan fitnah (Al-A`raf: 137, al-Furqan: 36, al-Syu`ara': 170-173, al-Isra': 15, al-Hijr: 49-50, Ali `Imran: 11). Kedua; Ia merupakan teguran dari Allah SWT dalam bentuk istilah fitnah dan musibah (al-Anfal: 28). Ketiga; Ia merupakan satu bentuk kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya dengan menggunakan kalimah *bala'* (al-Baqarah: 124, al-Saffat: 103-106, al-Baqarah: 155).
2. Bencana yang terjadi akibat tingkah laku manusia yang menyumbang ke arah kerosakan diri sendiri dan alam sekitar. Fenomena ini ditunjukkan dalam bentuk kalimah *fasad* (al-Baqarah: 11-12, Hud: 116, al-Rum: 41, al-Mu`minun: 71).
3. Ia sebahagian daripada bentuk kezaliman yang dilakukan oleh manusia yang ditunjukkan dalam bentuk kalimah *halak* (al-Haqqah: 29, al-Baqarah: 205, al-Nisa': 176, al-A`raf: 4-5).

Menurut Faisal Ahmad Shah (2000), hikmah dan tujuan *al-ibtilla'* yang menimpa seseorang berbeza antara satu sama lain mengikut tahap keimanan mereka, antaranya ialah sebagai tanda rahmat dan kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya, kifarat kepada dosa yang telah dilakukan, untuk meningkatkan kedudukannya di sisi Allah SWT, mendapat gantian dan pulangan yang lebih baik, membersihkan jiwa daripada sebarang unsur yang

boleh mengeruhkan kesucian iman, berupaya menzahirkan hakikat diri seseorang yang sebenar dan berupaya merapatkan hubungan kasih sayang sesama umat Islam.

AMALAN MEDIA DI MALAYSIA KETIKA NEGARA DILANDA BENCANA

Amalan perkabungan yang dilaporkan atau disiarkan di media mempunyai tiga pendekatan utama iaitu ritual agama melalui simbol agama serta amalan dan majlis pengkebumian, ritual sivik iaitu aksi spontan individu dan ritual nasional yang melibatkan imej negara dan tindakan kerajaan (Pantti & Sumiala, 2009). Garner (1996), menyatakan tugas media adalah untuk menyampaikan berita yang berfungsi untuk mendidik masyarakat bukan sahaja dalam bidang politik, ekonomi ataupun bidang sosial, malahan media juga bertanggungjawab untuk mendidik masyarakat terhadap sesuatu bencana yang berlaku.

1. Astro Awani

Berdasarkan kajian Mohd Daly Daud et al. (2015), kajian awal yang telah digunakan oleh Astro Awani mendapati terdapat lima pendekatan yang digunakan dalam pelaporan berita bencana. Pendekatan pelaporan berita yang diamalkan adalah dari segi persediaan, kepantasan melaporkan berita, kaedah pemberitaan, kesahihan sumber berita dan menjaga sensitiviti. Bagi persediaan untuk melaporkan berita bencana, pendekatan Astro Awani adalah dengan melakukan kajian sepertimana yang telah dinyatakan oleh Garner (1996), tugas media adalah untuk mendidik penonton dengan menyampaikan maklumat yang tepat dan padat mengenai bencana. Sifat media yang mempunyai capaian yang pantas dan mudah tersebar kepada orang awam seperti dijelaskan oleh Alexander (2006) menjadikan berita Astro Awani antara medium televisyen yang mempunyai amalan untuk melatih pemberita mahupun wartawan mereka untuk berfikir dan mengambil tindakan secara pantas bagi sebarang nilai berita bencana yang perlu disampaikan kepada masyarakat. Antara kaedah pemberitaan bencana Astro Awani yang dikenal pasti adalah dengan menempatkan wartawan di lokasi kejadian. Hasil kajian ini menyokong kenyataan daripada Needham (1986), melalui pendekatan dengan menempatkan wartawan di lokasi kejadian, kedekatan berita bencana dan wartawan itu dapat menyampaikan kepada masyarakat seterusnya mampu membawa masyarakat bersama-sama merasai empati bencana yang berlaku. Pelaporan berita Astro Awani juga mengutamakan kesahihan sumber berita dengan menjemput pakar dalam bidang masing-masing bagi membicarakan isu tersebut. Hal ini kerana, kredibiliti media perlu dijaga melalui kesahihan berita yang disampaikan termasuklah kredibiliti sumber dan maklumat (Qian Zh, 2011). Selain itu, Astro Awani mengamalkan etika dari segi menghormati sensitiviti mangsa dan keluarga yang terbabit bagi membuktikan profesionalisme Astro Awani.

2. TV Al-Hijrah

Dalam kajian yang sama, TV Al-Hijrah pula mempunyai tujuh pendekatan penting dalam pelaporan berita bencana yang dipraktikkan iaitu meneruskan amalan lazim, panggilan kepada sarjana Muslim, bercakap perkara yang baik mengenai mangsa, kembali kepada Islam dalam melaporkan fakta dan menerbitkan kapsul peristiwa. TV Al-Hijrah turut meneruskan amalan lazim dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran di samping membuat *slide* pilihan ayat-ayat Al-Quran tertentu yang sesuai dengan situasi perkabungan pada hari itu. Selain itu, TV Al-Hijrah juga kerap membuat panggilan kepada sarjana Muslim bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan dalam kandungan siaran mereka. Sudah menjadi amalan bagi wartawan siaran TV Al-Hijrah untuk

menulis hanya perkara dan perbuatan mengenai kebaikan mangsa yang boleh diteladani oleh masyarakat. Dalam menulis dan menyampaikan sesuatu fakta, wartawan siaran dan penyampai berita di TV Al-Hijrah sentiasa diingatkan agar kembali kepada Islam dalam melaporkan setiap fakta yang diperoleh. Setiap maklumat mestilah diperoleh dengan cara yang berhemah dari sumber yang tepat dan tidak menokok-tambah maklumat tersebut. Tambahan pula, mereka perlu beretika bagi menjaga kredibiliti dan nama baik organisasi. Bagi penerbit rancangan pula, mereka disarankan untuk menerbitkan kapsul sesuatu berita bagi menjadikan suatu laporan itu lebih berinformatif dan menarik. Setiap petugas media di TV Al-Hijrah diingatkan supaya melaporkan fakta kejadian dan tidak melayan sebarang kenyataan politik dari mana-mana pihak.

3. Radio Televisyen Malaysia (RTM)

Berdasarkan kajian Rahmahtunnisah Sailin et al. (2015), pihak RTM pula memegang kepada prinsip yang sahih, tepat dan mutakhir. Mereka mempunyai prosedur dalaman (SOP) yang telah menetapkan sesuatu berita yang penting mesti disiarkan dalam tempoh dua jam. Namun, dalam masa yang sama, mereka masih perlu mendapatkan pengesahan bagi memastikan kesahihan berita yang diterima dari sumber yang berautoriti. RTM juga sangat mengutamakan nilai berita yang mempunyai *human interest* terhadap kepentingan agama dan masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan maklumat dan data-data awal kajian yang diperlukan, sesi perbincangan meja bulat dilakukan dengan menjemput pihak pembuat dasar, ilmuan Islam dan juga pengamal media yang terpilih secara bertujuan. Maklumat daripada kaedah ini telah digunakan untuk ditriangulasikan dengan maklumat daripada fasa kedua pengumpulan data. Pengumpulan data fasa kedua kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk temu bual secara mendalam. Kaedah kajian temubual secara mendalam secara bertujuan yang dilakukan ke atas informan yang sudah dikenalpasti lebih awal berdasarkan kepakaran informan dalam bidang kajian ini (Mack et al., 2009).

Pengumpulan data daripada pelbagai sumber merupakan salah satu proses triangulasi untuk mempertingkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian kualitatif (Merriam, 1998; Creswell, 2005). Teknik triangulasi digunakan untuk memastikan kredibiliti hasil kajian. Menurut Creswell (2005), triangulasi ialah satu proses pengumpulan data daripada pelbagai kaedah dan individu. Dari segi persampelan, seorang wakil dari pembuat dasar, lima orang ilmuan Islam dan enam orang wakil pengamal media terlibat dalam kajian ini. Ini bermakna data-data kajian yang dikutip dapat dibuktikan melalui pelbagai kaedah kajian dan bilangan informan yang berlainan latar belakang.

Kajian ini mengkategorikan tiga ciri informan iaitu pembuat dasar, ilmuan Islam dan pengamal media untuk mendapatkan maklumat mengenai objektif kajian. Jadual 1 di bawah adalah kategori informan dan rasional pemilihan informan untuk ditemu bual dan Jadual 2 merujuk kepada senarai informan yang ditemu bual mengikut kategori.

Jadual 1: Kategori Informan dan Rasional Pemilihan Informan

Kategori Informan	Rasional
Pembuat Dasar	Bertujuan mendapatkan maklumat lebih mendalam mengenai adat istiadat Hari Perkabungan Negara dan aliran proses buat keputusan ketika bencana dan musibah berlaku untuk siaran media.
Ilmuan Islam	Bertujuan mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam mengenai konsep perkabungan dalam Islam dan mengetahui kaedah Islam menghadapi bencana dan

	musibah daripada sarjana Islam.
Pengamal Media	Bertujuan mendapatkan maklumat mendalam mengenai siaran media Hari Perkabungan Negara dan pelaporan berita ketika bencana melanda negara. Rasionalnya, merekalah individu yang pakar dalam amalan media dan bertanggungjawab menerima arahan daripada pembuat dasar dan mengeluarkan keputusan mengenai pelaporan berita berkenaan.

Jadual 2: Senarai Informan

No.	Kategori Informan	Jawatan	Organisasi
1	Pembuat Dasar	Setiausaha Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa	Jabatan Perdana Menteri
2	Ilmuan Islam	Pensyarah Kanan Jabatan Akidah, Fakulti Kepimpinan & Pengurusan	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
3	Ilmuan Islam	Pensyarah Kanan, Jabatan Quran & Hadis	Universiti Malaya (UM)
4	Ilmuan Islam	Pensyarah Kanan Jabatan Al-Quran & As-Sunah	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
5	Ilmuan Islam	Mufti Wilayah Persekutuan, KL	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
6	Ilmuan Islam	Mufti Diraja Kerajaan Negeri Selangor	Jabatan Mufti Selangor, Majlis Agama Islam Selangor
7	Pengamal Media	Pengarah Radio IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
8	Pengamal Media	Penerbit Eksekutif Kanan	Media Prima Berhad (TV3)
9	Pengamal Media	Pengarah Bahagian Program TV RTM	Radio Televisyen Malaysia (RTM)
10	Pengamal Media	Timbalan Pengarah Berita Ehwal Semasa	Radio Televisyen Malaysia (RTM)
11	Pengamal Media	Pengurus Besar Kanan, Penerbitan Politik, Ekonomi & Sosial,	TV AlHijrah
12	Pengamal Media	Pengarah	MobTV

HASIL KAJIAN

Berita mengenai bencana adalah sebuah nilai berita yang mendapat perhatian besar dan merupakan makluman awal serta peringatan kepada masyarakat mengenai sesebuah tragedi termasuklah jumlah korban ataupun keadaan terkini yang sedang berlaku. Kajian ini telah mengenal pasti amalan kandungan media ketika negara dilanda bencana. Justeru, pihak penyelidik mencadangkan untuk menyelaraskan amalan ini setiap kali negara ditimpa bencana.

PROSEDUR KANDUNGAN MEDIA KETIKA NEGARA DILANDA BENCANA

Etika merupakan satu bentuk amalan yang menentukan perbuatan yang betul dan perbuatan yang salah. Terdapat beberapa etika moral ataupun amalan yang perlu dilakukan ketika berlakunya bencana (Kathleen, 2012), Khafidhoh (2013) dan Quraisy Shihab (2007).

1. Bagi orang Islam, saat bertafakur perlu di isi dengan bacaan doa, surah al-Fatihah dan surah Yassin. Manakala bagi orang bukan Islam, saat bertafakur atau *moment of silence* adalah mengikut adat dan kepercayaan agama masing-masing terhadap orang

Islam. Saat bertafakur ini dilakukan secara berdiri, diam dalam pelbagai situasi seperti persidangan rasmi dan sesi ucapan khas turut memberi simbolik kesedihan dan penghormatan.

2. Melafazkan kalimah *istirja`*, iaitu **إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ** yang bermaksud “Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya kami akan dikembalikan” kepada keluarga mangsa selama tempoh berkabung iaitu tiga hari. Walaupun ucapan itu sering diucapkan ketika berhadapan dengan kematian, tetapi al-Quran memberikan panduan bahawa kalimah tersebut boleh diucapkan dalam setiap kali bencana yang melanda seseorang sama ada dalam bentuk kematian, bencana alam dan sebagainya (al-Baqarah: 155-157).
3. Berdoa kepada Allah SWT dengan kembali kepada-Nya, mengakui kesilapan dan kezaliman diri, memuja dan memuji Allah SWT, melakukan pengabdian yang sebenarnya kepadaNya dan tidak mensyirikkanNya, memohon keampunan daripadaNya, dan memohon balasan yang baik daripadaNya. Antara doa-doa yang bersesuaian mengikut konteks bencana dan kematian adalah seperti:

3.1 Kematian

أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ وَأَحْسَنَ عَزَائِكَ وَغَفَرَ لَمِيَّتِكَ

Maksud:

Semoga Allah mengagungkan pahalamu, mengindahkan sabarmu dan memaafkan jenazah (dalam kalangan keluarga) kamu.

**اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ ، وَاخْلُفْهُ فِي عَقِبِهِ فِي الْغَابِرِينَ ،
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ ، وَافْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ وَنَوِّرْ لَهُ فِيهِ**

Maksud:

Ya Allah! Berilah keampunan kepadanya. Angkatlah darjatnya dalam kalangan orang-orang yang diberi petunjuk. Jadilah penggantinya bagi anak-anaknya yang masih tinggal. Kurniakanlah keampunan untuk kami dan untuknya, wahai Tuhan sekalian alam. Lapangkanlah untuknya di dalam kuburnya dan terangilah untuknya di dalam kuburnya.

3.2 Bencana

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

اللَّهُمَّ أَجْرُنِي فِي مُصِيبَتِي، وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Maksud:

Sesungguhnya daripada Allah kami datang, kepada-Nya kami kembali, Ya Allah! berilah aku pahala atas musibah ini dan gantikanlah bagiku dengan lebih baik.

4. Bersabar atas bencana yang melanda dan bertawakkal kepada Allah SWT (al-Baqarah: 155). Yakin bahawa apa yang berlaku mempunyai hikmah tersendiri dan

menyerahkannya kepada Allah SWT serta berusaha ke arah pelepasan daripada bencana yang akan berlaku.

5. Belajar dari bencana yang melanda. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh manusia untuk mencegah berlakunya kembali bencana yang melanda ialah mendekatkan diri kepada Allah SWT, tidak melakukan sebarang kerosakan di muka bumi yang boleh merosakkan eko-sistem, membuat penyelidikan dan kajian yang berkaitan dengan pemulihan dan pencegahan bencana. Justeru, umat Islam perlu mewujudkan dan memantapkan pengurusan yang berkaitan dengan bencana (*disaster management*) dalam suatu usaha yang berterusan dan bijaksana untuk menangani bencana.
6. Amalan berpakaian untuk pengamal media ketika pelaporan berita bencana dan kematian tokoh adalah mengikut peraturan dan pekeliling semasa yang dikeluarkan oleh pihak berwajib. Bagi pengamal media beragama Islam, pakaian mestilah menutup aurat. Bagi pengamal media bukan Islam, perlu berpakaian sopan dan berselendang (menutup kepala) untuk wanita sebagai penghormatan jika membabitkan kematian orang Islam.
7. Semua acara dan program berbentuk hiburan ditangguhkan pada hari tersebut dan digantikan dengan program keagamaan seperti diskusi dan forum. Kandungan diskusi dan forum yang diadakan mestilah yang bersifat mendidik masyarakat seperti memulakan dengan lafaz *Istirja'*, mendidik masyarakat menerima qada' dan qadar Allah SWT, tazkirah tentang peringatan kematian atau hikmah di sebalik bencana.

KESIMPULAN

Institusi media diharap dapat menjadikan prosedur kandungan media yang dirancang ini sebagai contoh rujukan ketika berlakunya sesuatu bencana. Ini kerana, ia amat penting bagi memastikan stesen media penyiaran menjadi medium yang berwibawa bagi menyampaikan maklumat kepada masyarakat agar mereka memahami dan bertenang terhadap kejadian yang berlaku.

Prosedur ini juga dapat dijadikan panduan buat institusi media penyiaran dalam usaha memurnikan kandungan siaran media ketika negara dilanda bencana berdasarkan prinsip dan nilai Islam sejagat. Para penyelidik mengemukakan elemen dan nilai-nilai Islam berdasarkan Al-Quran, Al-Sunnah, pandangan para ulama', pengamal media serta peraturan semasa bagi menempatkan prosedur amalan kandungan media ini dalam senarai prosedur sedia ada agar usaha ini menjadi panduan dan rujukan yang bermanfaat dan berkredibiliti.

Tuntasnya ia bakal menjadi asas rujukan yang jelas berkaitan dengan bencana di negara ini bagi pihak media di setiap organisasi untuk membantu pelaksanaan di peringkat pengamal media secara keseluruhannya.

Rujukan

- Alexander, D. (2006). Globalization of Disaster: Trends, Problems and Dilemmas. *Journal of International Affairs-Columbia University*, 59(2), 1.
- Al-Zuhaili. (1991). *Al-Tafsiru Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa Al-Syariah Wa Al-Manhaj*. Darul Al-Fikr Damsyrik: Syria.
- Andri Nirwana, A.N. (2013). Musibah dalam Perspektif Al-Quran, 10(2), 142

- Cresswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eisensee, T., & Strömberg, D. (2007). News Droughts, News Floods, and US Disaster Relief. *The Quarterly Journal of Economics*, 122(2), 693-728.
- Faisal Ahmad Shah. (2000). *Konsep Al-Ibtala' dan Cara Menghadapinya Menurut Al-Quran dan Sunnah*. Disertasi Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Frazier, T. W. (1999). Natural and Bioterrorist/Biocriminal Threats to Food and Agriculture. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 894(1), 1-8.
- Garner, A.C. (1996). Reconstructing Reality: Interpreting the aeroplane disaster news story. Disaster prevention and management. *An International Journal*, 5(3), 5-15.
- Kathleen Geale, S. (2012). The Ethics of Disaster Management. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 21(4), 445-462.
- Khafidhoh. (2013). *Teologi Bencana dalam Perspektif M. Quraisy Shihab, Alumni Studi Quran dan Hadis UIN Sunan, Kalijaga Yogyakarta*, 14(1).
- Mack, et. al. (2009). *Absolute Poverty and Global Justice: Empirical Data, Mora Theories Initiatives*. Farham, England: Ashgate.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Daly Daud, Rahmahtunnisah Sailin, Md Rozalafri Johori, Sulaiman Salleh, Muhamad Subari Ramli, Maffuza Salleh, Zulkefli Aini, Khairiamri Ahmad & Wawarah Saidpuddin. (2015). *Pelaporan Berita di TV Al-Hijrah Semasa Hari Perkabungan Negara: Suatu Tinjauan*. *International Conference on Management and Muamalah*.
- Needham, R. D. (1986). The Cosmopolite-Localite Model: Newspaper types and natural hazard information potentials. *Environmental Management*, 10(2), 271-284.
- Pantti, M. & Sumiala, J. 2009. Till death do us join: media, mourning rituals and the sacred centre of the society. *Media, Culture & Society*, 31 (1), 119-135.
- Portal Rasmi Majlis Kesejahteraan Negara. www.mkn.gov.my.
- Qian Zh. (2011). *Study on Credibility Evaluation and Influencing Factors of China's Network Media*. Wu Han: Huazhong University of Science and Technology Press.
- Quraisy Shihab. (2007). *Tafsir Al-Mishbah*. Jakarta.
- Rahmahtunnisah Sailin, Mohd Daly Daud, Sulaiman Salleh, Md Rozalafri Johori, Muhamad Subari Ramli, Maffuza Salleh, Zulkefli Aini, Khairiamri Ahmad & Wawarah Saidpuddin. (2015). *WAR 51 Editorial Chain Hari Perkabungan Negara: Pengalaman Radio Televisyen Malaysia (RTM). Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK Fasa 1)*.
- Rautela, P. (2006). Redefining disaster: need for managing accidents as disasters. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 15(5), 799-809.
- Riley, J., & Meadows, J. (1997). The role of information in disaster planning: a case study approach. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 6(5), 349-355.
- Vitaliano, D. B. (1973). *Legends of the Earth: Their Geologic Origins*. Indiana University Press: Bloomington.